



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PROSES PENGISIAN KEKOSONGAN OLEH
URUS SETIA PENGAMBILAN
DI KEMENTERIAN PERTAHANAN**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7 (a)

**Iklan adalah dibukakan kepada Orang Ramai dan Pegawai-Pegawai dan
Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam
Negara Brunei Darussalam.**

**PEMBANTU TEKNIK KANAN (C.2 EB.3)
JABATANARAH PEMBANGUNAN DAN PERKHIDMATAN KERJA
KEMENTERIAN PERTAHANAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

1. Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.

2. Sila Ambil Perhatian:

- (A) Bagi mengetahui perkembangan kedudukan permohonan, sila lihat ruang "Kedudukan Permohonan" dan klik "Status Permohonan". Jika terdapat status menyatakan "Dipanggil Ujian" atau "Dipanggil Temu duga", sila semak ruang "Kalendar Saya" dan klik pada jawatan yang berkenaan.
- (B) Hanya pemohon yang memenuhi syarat **KELAYAKAN MINIMUM** akan dipanggil Ujian dan / atau dipanggil Temu duga.



PEMBANTU TEKNIK KANAN
JABATANARAH PEMBANGUNAN DAN PERKHIDMATAN KERJA
KEMENTERIAN PERTAHANAN
C.2 EB.3 (\$1,450 - \$2,270 EB KHAS \$2,340 - \$2,620 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SATU (01)

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) BDTVEC / BTEC Sijil Tertinggi Kebangsaan (HNC) atau sebanding dalam bidang Kejuruteraan Awam / Kejuruteraan Bangunan / Kejuruteraan Elektrik / Kejuruteraan Mekanikal / Kejuruteraan Struktur / Ukur Bahan atau bidang bersesuaian.

ATAU

- b) Telah berkhidmat di Kementerian Pertahanan dalam jawatan yang bersesuaian dalam tangga gaji C.1 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.3 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 7 tahun.

ATAU

- c) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan yang bersesuaian dalam tangga gaji C.1 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.3 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 8 tahun.
2. Mempunyai Lesen Memandu Kelas 3 yang sah (tidak mansuh).
3. Berpengalaman dan berkemahiran dalam melaksanakan kerja-kerja pemeliharaan, pengurusan projek dan kontrak dokumen adalah kelebihan.



TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Melaksanakan, menyelenggara, menyelaras dan perancangan kerja-kerja pemeliharaan estet;
2. Menjadi Pegawai Pengawas (S.O) bagi kerja-kerja dikendalikan kontrak penggal, projek-projek dan sebutharga yang dikendalikan oleh Bahagian Perkhidmatan Kerja seperti diarahkan. Ini termasuk membuat laporan-laporan yang bersangkutan dengannya;
3. Membantu memberi khidmat nasihat teknikal kepada pegawai atasan di dalam perlaksanaan pemeliharaan estet;
4. Membuat laporan-laporan yang bersangkutan dengan pemeliharaan estet dan belanjawan;
5. Membantu dan menunjuk ajar pegawai teknikal; dan
6. Melaksanakan kerja-kerja sepertimana diarahkan oleh pegawai atasan dari semasa ke semasa.